



GUNI berisi daging penyu kering dan balat yang cuba diseludup keluar yang dirampas APMM di Kudat.

HM 31/05/24 MSC 8

Kota Kinabalu

**A**genси penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 51 guni berisi daging penyu kering seberat 765 kilogram (kg) dipercayaі untuk diseludup ke luar negara, malam kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kudat Komander Maritim Maurice Grenville Abeyratne berkata, bagi mendapatkan jumlah daging penyu kering itu dianggarkan kira-kira 1,000 penyu spesies terancam dibunuh oleh sindiket yang terbabit.

Beliau berkata, dalam Op Pluto Timur dan Op Tiris di sekitar kawasan pantai kira-kira 0.5 batu nautika laut Timur Laut Kampung Taju Laut, Kudat itu, pihak berkuasa turut menemukan 19 guni berisi balat iai-

# Sindiket bunuh 1,000 penyu!

*Maritim Malaysia rampas 765kg daging penyu kering, 19 guni balat bernilai RM500,000*

tu spesies timun laut.

"Kami memeriksa sebuah bot yang sedang melakukannya aktiviti mencuri-gakan jam 10.27 malam. Menyedari kehadiran pasu-

kan Maritim Malaysia suspek bertindak meloloskan diri ke kawasan ceteck."

"Aset darat dikerah ke lokasi untuk membuat

pemeriksaan di kawasan berkenaan kerana bot ronda tidak dapat menghampiri pantai," katanya.

Beliau berkata, nilai rampasan berjumlah RM500,000 dan dibawa ke pejabat Zon Maritim Kudat untuk siasatan serta kes disiasat mengikut Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997 kerana cuba menyeludup daging haiwan spesies terancam.

**"Kami memeriksa sebuah bot yang sedang melakukan aktiviti mencuri-gakan jam 10.27 malam. Menyedari kehadiran pasukan Maritim Malaysia suspek bertindak meloloskan diri ke kawasan ceteck"**